

# Anak pertama

» Sedia perbelanjaan awal



Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit  
Credit Counseling And Debt Management Agency

Dua minggu lalu, kita mendapat petua menguruskan wang sebagai satu pasangan. Kita juga membaca mengenai perancangan Adam dan Aida untuk memiliki rumah, bagaimana mengendalikan belanjawan mereka dan hal berkaitan perlu dipertimbangkan sebelum membeli rumah.

Minggu ini, kita melihat komitmen lain yang amat besar yang datang dengan tanggungjawab yang jauh lebih besar - permata hati yang tersayang!

Selepas menabung selama lebih daripada satu tahun, Adam dan Aida akhirnya mempunyai cukup simpanan untuk membayar bayaran muka rumah idaman mereka (sekurang-kurangnya buat masa ini).

Mereka menasarkannya sebuah rumah dua tingkat dengan pegangan kekal yang tertentu - sebuah rumah yang lama tetapi diselenggarakan dengan baik.

Apa yang benar-benar menarik minat mereka ialah kedudukan rumah tersebut yang hampir dengan rumah ibu bapa Adam. Selain itu, rumah berkenaan berdekatan dengan pasar raya besar, sekolah, hospital, taman permainan dan pusat komersial.

Pemilik rumah pada asalnya meminta RM350,000 tetapi selepas banyak berunding dan menawar harga, mereka akhirnya menetapkan nilai sebanyak RM325,000. Mereka membayar RM25,000 sebagai bayaran muka dan telah membuat pinjaman sebanyak RM300,000 bagi tempoh 30 tahun.

Oleh sebab Aida bekerja di sebuah bank, dia dapat mengatur dan memperoleh kemudahan pinjaman kakitangan pada hanya tiga peratus bagi

setiap tahun yang membuatkan mereka perlu membayar semula hanya RM1,300 setiap bulan berbanding jumlah awal di dalam belanjawan sebanyak RM2,000. Ini adalah penjimatan besar!

### Belanja tambahan

Dengan memiliki rumah sendiri, mereka berhadapan dengan belanja tambahan seperti bil utiliti, cukai tanah, taksiran harta, insurans rumah, penyelenggaraan sesekali dan pembaikan.

Selain perbelanjaan itu, kini Adam dan Aida juga mewujudkan liabiliti bagi diri mereka sendiri dalam proses membiayainya melalui pinjaman perumahan.

Secara dasarnya mereka tidak memiliki rumah sehingga selesai membayar pinjaman. Oleh itu, mereka melakukan satu tindakan bijak jika mereka melindungi liabiliti dengan program insurans sekiranya sesuatu yang buruk berlaku kepada salah satu daripada mereka.

Selalunya, bank mengesyorkan mengambil Insurans Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTA) yang mungkin adalah pilihan yang paling berkemampuan.

Walau bagaimanapun, kita juga boleh menambah nilai bagi program insurans nyawa peribadi kita untuk melindungi liabiliti demikian.

Adam dan Aida membuat keputusan menambahkan perlindungan insurans peribadi mereka sebanyak RM150,000 setiap seorang kerana ini akan memberikan mereka kawalan dan fleksibiliti yang lebih baik. Dengan mengambil kira semua perkara ini, mereka rasa adalah perlu untuk mereka menyemak semula belanjawan mereka:

| PENDAPATAN  | PERBELANJAAN   |
|---|--|
| Gaji bawa pulang:<br>- Adam RM5,000<br>- Aida RM4,000<br>> <b>RM9,000</b> | Tabungan > <b>RM900</b><br>Premium Insurans Nyawa:<br>* Adam RM400<br>* Aida RM300<br>> <b>RM700</b><br>Pembayaran Semula Pinjaman PTPTN > <b>RM300</b><br>Bayaran Ansuran Rumah > <b>RM1,300</b><br>Bil Utiliti > <b>RM250</b><br>Cukai Tanah, Taksiran Harta, & Insurans > <b>RM50</b><br>Hadiah kepada Ibu Bapa (Kedua-duanya) > <b>RM1,000</b><br>Makanan > <b>RM1,500</b><br>Petrol & Tol > <b>RM500</b><br>Penyelenggaraan Kereta, Cukai Jalan & Insurans > <b>RM200</b><br>Pakaian & Hiburan > <b>RM600</b><br>Bil Telefon > <b>RM200</b> |
| Jumlah Pendapatan > <b>RM9,000</b>  | Jumlah Perbelanjaan > <b>RM7,500</b><br>Baki Pendapatan > <b>RM1,500</b>   |

Nota: Gaji bawa pulang bersih tolak sumbangan KWSP & SOCSO dan cukai.



Daripada belanjawan mereka, masing-masing masih mempunyai lebih. Kini mereka sudah mempunyai rumah sendiri dan setelah ibu bapa berkali-kali membayangkannya, mereka rasa sudah tiba masanya untuk mula membina sebuah keluarga.

Selama ini, mereka tidak pasti sama ada mampu untuk mula membina sebuah keluarga ataupun tidak tetapi selepas menyemak semula belanjawan mereka, mereka rasa mereka mampu.

Adam berasa sedikit teragak-agak pada mulanya kerana dia ternampak iklan yang menyatakan bahawa jutaan ringgit diperlukan untuk membesarkan seorang anak pada masa ini.

Sebagai seorang akauntan, dia tahu kosnya tetapi dia sedar bahawa anak-anak adalah anugerah daripada Tuhan, di samping itu juga, Aida & Adam tahu mereka sudah bersedia membina sebuah keluarga.

Sebelum memulakan perjalanan anda ke arah dunia keibubapaan, anda mungkin mahu mempertimbangkan beberapa isu yang berikut:

© Adakah anda sudah bersedia? Mempunyai anak bukan sahaja membabitkan penyesuaian kewangan tetapi juga emosi. Bahkan, seluruh hidup anda akan berubah dan sebaik sahaja anda membuat keputusan untuk mempunyai anak. Anda tidak lagi boleh toleh ke belakang. Banyak pasangan menjadi ibu bapa walaupun tidak mahu atau secara tidak sengaja (dalam sesetengah kes!).

**Persediaan mental, fizikal**  
Mungkin belum mengambil kursus mendidik anak atau sekurang-kurangnya belajar asas mendidik anak melalui pembelajaran ketika melakukan kerja atau dengan sedikit bimbingan daripada ibu bapa mereka sendiri. Anda mestilah bersedia secara mental, emosi dan dari segi kewangan untuk menghadapi cabaran ini (tanpa melupakan secara fizikal juga!).

© Apakah Rancangan Jagaan Anak anda? Jika anda merancang untuk kembali bekerja, membuat perancangan awal bagi anak anda sebelum dia dilahirkan adalah idea yang baik. Pusat jagaan kanak-



kanak selalunya mempunyai senarai menunggu yang panjang. Pertimbangkan pilihan anda: penjagaan di rumah anda, penjagaan kanak-kanak di rumah lain, atau pusat jagaan kanak-kanak yang lazim.

### Dapatkan rujukan

Pastikan anda melawat banyak tempat dan dapatkan rujukan daripada rakan dan keluarga. Apabila melawat sebuah pusat, berbual dengan ibu bapa lain dan ketahuilah kosnya. Bagaimanapun, jika salah seorang daripada anda merancang untuk kekal berada di rumah sepenuh masa untuk menjaga anak anda, penyesuaian yang lebih banyak perlu dilakukan.

Mungkin tidak mudah untuk terus hidup dengan satu sumber pendapatan bagi kebanyakan keluarga yang tinggal di bandar pada masa ini. Ini adalah antara pengorbanan yang perlu anda lakukan. Membuat keputusan siapa yang akan tinggal di rumah dan siapa yang akan bekerja mencari sumber pendapatan. Ini adalah pilihan yang hanya boleh dibuat dan hanya diketahui oleh anda berdua sahaja sebagai satu pasangan.

© Semak semula belanjawan bulanan anda, atau buat satu belanjawan. Kehidupan anda tidak akan sama lagi, begitu juga belanjawan anda. Mempunyai seorang bayi biasanya akan menambahkan belanja bulanan anda. Sebagai contoh, lampin dan susu bayi sahaja boleh memberikan kesan yang agak besar dan anda juga akan melihat peningkatan dalam perbelanjaan pelbagai anda.

Seperti kain lampin dan pencuci pakaian. Sudah tentulah salah satu cara yang terbaik untuk menjimatkan kos susu bayi adalah dengan menyusui bayi dengan susu badan tetapi ini memerlukan azam yang tinggi dan pengorbanan yang besar.

Selain itu, bil utiliti mungkin akan meningkat oleh sebab anda akan lebih kerap berada di rumah dan akan mempunyai lebih pakaian untuk dicuci. Belanja perubatan, termasuklah lawatan ke pakar pediatrik, boleh menambah kos anda dengan banyaknya, terutamanya pada beberapa tahun yang pertama.

Jika anda merancang kembali bekerja, kos penjagaan anak menambahkan beberapa ratus ringgit bagi setiap bulan kepada perbelanjaan. Kuncinya adalah mengetahui bagaimana duit anda dibelanjakan kini dan untuk merancang bagaimana keadaan akan berubah dengan ketibaan bayi.

© Perkara paling penting perlu diingat ialah kewangan, mana-mana perbelanjaan atau belanja pada masa depan boleh diuruskan dengan belanjawan yang ditentukan terlebih dan dengan komitmen membuat penyesuaian yang perlu kepada gaya hidup anda apabila perlu.

"Mampukah kami menanggung seorang anak sekarang?" Soalan ini selalunya adalah subjektif dan bersifat peribadi. Pasangan patut berbincang dan merancang secara objektif membuat penyesuaian perlu kepada hidup untuk menyambut kedatangan ahli keluarga baru mereka.